

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. MANSOR BIN ABD RAHMAN [SIK]

TARIKH : 26 MAC 2014

SOALAN :

Dr. Mansor bin Abd Rahman [Sik] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan berapakah jumlah pekebun kecil dalam sektor perladangan getah, ladang getah milik agensi kerajaan atau GLC dan ladang getah milik syarikat persendirian.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut rekod Lembaga Getah Malaysia (LGM) pada tahun 2013 terdapat:

- i. 447,117 pekebun kecil getah;
- ii. 29 buah ladang getah milik agensi Kerajaan (atau GLC); dan
- iii. 147 buah ladang getah milik syarikat persendirian dalam negara.

Sekian, terima kasih.